



SEMUA PELAJAR SENIOR

Tuan,

LAPOR DIRI DAN PENDAFTARAN KAMSIS PELAJAR SENIOR POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN SESI DIS 2018

Saya dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa tarikh mendaftar di kamsis dan melapor diri pelajar senior Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin bagi Sesi Dis 2018 ialah seperti berikut:

Pelajar **DIWAJIBKAN MELAPOR DIRI MENGIKUT JADUAL** yang telah ditetapkan. **SAMAN** akan dikenakan kepada pelajar yang **GAGAL** berbuat demikian.

06.12.2018 (KHAMIS)		
JABATAN	AKTIVITI	TINDAKAN
JP	Pendaftaran Kamsis 8.30am – 12.00pm	1) Pelajar DIWAJIBKAN mencetak dan membawa bersama surat tawaran kamsis & slip bayaran asrama semasa hari pendaftaran asrama 2) Pelajar WAJIB menunjukkan surat tawaran kamsis & membawa slip bayaran asrama tersebut di kaunter pengesahan (bangunan pejabat asrama) mengikut jabatan bagi mengesahkan no.bilik yang ditempah 3) Kemudian pelajar hendaklah ke blok asrama mengikut no.bilik yang telah disahkan bagi mendapatkan kunci bilik
JPH		
JRKV		
Pengesahan pendaftaran kursus di jabatan masing-masing 2.00pm – 05.00pm		
07.12.2018 (JUMAAT)		
JABATAN	AKTIVITI	TINDAKAN
JKE	Pendaftaran Kamsis 8.30am – 12.00pm	1) Pelajar DIWAJIBKAN mencetak dan membawa bersama surat tawaran kamsis & slip bayaran asrama semasa hari pendaftaran asrama 2) Pelajar WAJIB menunjukkan surat tawaran kamsis & membawa slip bayaran asrama tersebut di kaunter pengesahan (bangunan pejabat asrama) mengikut jabatan bagi mengesahkan no.bilik yang ditempah 3) Kemudian pelajar hendaklah ke blok asrama mengikut no.bilik yang telah disahkan bagi mendapatkan kunci bilik
JKM		
JTMK		
Pengesahan pendaftaran kursus di jabatan masing-masing 2.00pm – 05.00pm		

Pakaian Semasa Lapor Diri : Pakaian Formal

- Lelaki - Baju kemeja, bertali leher, berseluar slack dan kasut bertutup.
Perempuan - Baju kurung atau blouse labuh, bertudung (muslim) dan kasut bertutup.

MAKLUMAN PENTING:

- a. Semua pelajar senior **DIKEHENDAKI** mendaftar kursus secara online di ***spmp.ptss.edu.my*** dalam menu **iDAFTAR** (rujuk manual pendaftaran kursus). Pendaftaran secara Online akan dibuka bermula **03/12/2018** (Isnin) hingga **17/12/2018** (Isnin).
- b. Segala pembayaran yuran hendaklah diselesaikan **SEBELUM** pendaftaran online dibuat. **Yuran boleh dibayar bermula 16/11/2018 (Jumaat).**
- c. Sila rujuk lampiran yang disertakan bersama surat ini untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan:
 - i. Jumlah Yuran Pengajian, Asrama dan Pelbagai (Rujuk Lampiran 1)
 - ii. Panduan dan kaedah membuat bayaran di **BIMB.** (Rujuk Lampiran 2)
- d. Pelajar yang **TIDAK DITAWARKAN** penginapan asrama dinasihatkan untuk menguruskan sendiri penginapan rumah sewa mereka lebih awal. Pihak politeknik **TIDAK MENYEDIAKAN** rumah sewa di luar kampus dan **TIADA RAYUAN ASRAMA** pada hari pendaftaran.
- e. Pelajar yang tidak dapat hadir lapor diri pada tarikh yang ditetapkan perlu mengemukakan **SURAT TUNJUK SEBAB** kepada Ketua Jabatan masing-masing **SEBELUM 03 DISEMBER 2018.**
- f. Pelajar yang gagal menjelaskan **YURAN** dan **HADIR** lapor diri pada tarikh yang ditetapkan boleh diambil tindakan **DIGUGURKAN PENCALONAN** dari menjadi Pelajar PTSS dan **DIBERHENTIKAN DARI PENGAJIAN.**

Semoga semua Pelajar selamat kembali ke Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) untuk pengajian Sesi Disember 2018.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

t.t

(ROSNIZAM BIN KAMIS)


Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
b.p Pengarah,
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

s.k *Pengarah PTSS
Tim. Pengarah (Akademik)
Tim. Pengarah (Sokongan Akademik)
Semua Ketua Jabatan Akademik
Pegawai Perhubungan Awam PTSS
Pegawai Eksekutif Tertinggi
Ketua Waden
Pengurus Asrama
USKKW
UPLI*

STRUKTUR BAYARAN YURAN PELAJAR SENIOR SESI DIS 2018

Bil	Jenis Bayaran	Jumah	Kaedah Bayaran
1	Yuran Pengajian	RM 200	<p style="text-align: center;">Rujuk LAMPIRAN 2</p> <p>Bayaran Melalui Mesin Deposit Tunai BIBM (CDM BIBM)</p>
2	Yuran Asrama - jika ditawarkan asrama	RM 60	
3	Yuran Pelbagai (Untuk SEMUA Pelajar Sem 2 hingga 5 sahaja)	RM150	
4	Yuran Pelbagai (Untuk Pelajar Semester 6 yang menjalani Latihan Industri sahaja)	Tidak dikenakan bayaran	
5	Yuran Pelbagai (Untuk Pelajar Semester 6 yang TIDAK menjalani Latihan Industri)	RM150	
6	Yuran Pelbagai (Untuk Pelajar Semester 7 dan ke atas / tambah semester pengajian di Politeknik)	RM150	
7	Bayaran Pelbagai (Untuk Pelajar yang menjalani LI pada semester 7 dan ke atas - pembaharuan polisi insurans)	RM35	

PEMBAHAGIAN BAYARAN YURAN PELBAGAI:



Rajah 1 : Pembahagian Bayaran Yuran Pelbagai PTSS

SILA AMBIL PERHATIAN:

- i. Semua pembayaran mestilah dibuat mengikut **KAEDAH BAYARAN** yang telah ditetapkan. Sebarang kesilapan bayaran adalah **TANGGUNGJAWAB MASING-MASING**.
- ii. Bayaran **Yuran Pengajian, Asrama & Pelbagai** hendaklah dibuat melalui mesin ATM BIBM, perbankan internet (bagi pemegang akaun Bank Islam SAHAJA) atau Mesin Deposit Tunai (CDM) BIBM sahaja (rujuk **LAMPIRAN 2**). Yuran pengajian dan asrama hendaklah di **BAYAR SECARA BERASINGAN**.
- iii. Pendaftaran online hanya boleh dilakukan sekurang-kurangnya **SELEPAS 24 JAM** yuran dijelaskan.

PANDUAN DAN KAEDAH PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN, ASRAMA DAN PELBAGAI

YURAN PENGAJIAN DAN ASRAMA

PERHATIAN: Sila baca dengan teliti. Sebarang kesilapan bayaran adalah tanggungjawab anda.

KAEDAH PEMBAYARAN

A. PERBANKAN INTERNET (Jika memiliki akaun di Bank Islam)

1. Layari www.bankislam.com.my
2. Klik logo "Internet Banking Login" dan tekan butang "ok" pada "Security Alerts"
3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
4. Pilih "**Bill Presentment**" pada bahagian "**Bill Payment**".
5. Pilih **POLITEKNIK KPT** pada bahagian senarai Universiti.
6. Masukkan No Kad Pengenalan pada ruang Kad Pengenalan dan klik "next"
7. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih bil yang hendak di bayar dan klik "pay"
8. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "source account" yang hendak di debitkan dan sahkan jumlah amaun yang hendak di bayar dan klik "pay"
9. Skrin berikutnya akan menyenaraikan maklumat bayaran yang perlu disahkan.
10. Klik "Confirm" untuk menuruskan pembayaran atau sebaliknya.
11. Skrin berikut akan menunjukkan makluman bayaran yang telah dilakukan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membuat salinan makluman bayaran yang dilakukan sebagai rujukan.

B. MESIN ATM BANK ISLAM (Jika memiliki akaun di Bank Islam)

1. Pilih menu **LAIN-LAIN**
2. Pilih menu **PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT**
3. Pilih menu **YURAN IPT**
4. Pilih Akaun Pembayar (akaun yang akan didebit)
5. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. Transaksi selesai dan ambil Resit

C. MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BANK ISLAM

1. Pilih menu **YURAN IPT**
2. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
3. Pilih **POLITEKNIK KPT**
4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan ambil Resit

YURAN PELBAGAI

PERHATIAN: Sila baca dengan teliti. Sebarang kesilapan bayaran adalah tanggungjawab anda.

A. PERBANKAN INTERNET (Jika memiliki akaun di Bank Islam)

1. Layari www.bankislam.com.my
2. Klik logo "Internet Banking Login" dan tekan butang "ok" pada "Security Alerts"
3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
4. Pilih "**Bill Presentment**" pada bahagian "**Bill Payment**".
5. Pilih **KOPERASI PTSS** pada bahagian senarai Universiti.
6. Masukkan No Kad Pengenalan pada ruang Kad Pengenalan dan klik "next"
7. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih bil yang hendak di bayar dan klik "pay"
8. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "source account" yang hendak di debitkan dan sahkan jumlah amaun yang hendak di bayar dan klik "pay"
9. Skrin berikutnya akan menyenaraikan maklumat bayaran yang perlu disahkan.
10. Klik "Confirm" untuk menuruskan pembayaran atau sebaliknya.
11. Skrin berikut akan menunjukkan maklumat bayaran yang telah dilakukan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membuat salinan maklumat bayaran yang dilakukan sebagai rujukan.

B. MESIN ATM BANK ISLAM (Jika memiliki akaun di Bank Islam)


1. Pilih menu **LAIN-LAIN**
2. Pilih menu **PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT**
3. Pilih menu **KOPERASI PTSS**
4. Pilih Akaun Pembayar (akaun yang akan didebit)
5. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. Transaksi selesai dan ambil Resit

C. MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BANK ISLAM

1. Pilih menu **YURAN IPT**
2. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
3. Pilih **KOPERASI PTSS**
4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan ambil Resit

PANDUAN LALULINTAS SEMASA LAPORDIRI PELAJAR

Masa: 8.30 pg - 12.00 tgh



PELAN SUSUN ATUR PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR SESI DIS 2018

